



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Khutbah Bulan September 2021M/ 1443H

Tajuk:

Persefahaman Dipupuk, Toleransi Dibentuk

Tarikh dibaca:
**17 September 2021M /
10 Safar 1443H**

Percetakan dibiayai:



زکاۃ فو لاو قینع

No. Telefon: 04-549 8088

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Prof Madya Dr Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Ketua Penolong Pengarah, Pusat Islam Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Persefahaman Dipupuk, Toleransi Dibentuk

(17 September 2021M / 10 Safar 1443H)

الحمدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعْزَنَا بِالإِيمَانِ عِزًا وَأَكْرَمَنَا بِالإِسْلَامِ دِينًا، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِنَا فَجَعَلَنَا أَحْبَبَةً وَإِخْوَانًا.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ أَنْزَلَ كِتَابَهُ هُدًى وَرَحْمَةً وَتَبَيَّنَاهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ؛ هَدَى اللَّهُ بِهِ بَعْدَ الضَّلَالَةِ،
وَعَلِمَ بِهِ بَعْدَ الْجَهَالَةِ، وَأَعْزَزَ بِهِ بَعْدَ الدِّلْلَةِ، وَكَثُرَ بِهِ بَعْدَ الْقِلَّةِ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَئْيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى أَلِهِ
وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا
تَمُؤْنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٣﴾ (سورة آل عمران)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah, سبحانه وتعالى

Saya menyeru kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita memperkasakan ketakwaan kita kepada Allah سبحانه وتعالى dengan mengerjakan semua suruhannya dan

meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan dan keredhaan-Nya di dunia maupun di akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapai kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“Persefahaman Dipupuk, Toleransi Dibentuk.”**

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Alhamdulillah, kita rasa amat bersyukur bahawa Malaysia telah dikenali di mata dunia sebagai sebuah negara Islam yang pesat membangun, aman makmur serta berjaya. Kejayaan ini bukan sekadar menangani isu-isu tempatan, bahkan turut terlibat dalam menangani pelbagai bentuk ujian global termasuklah wabak *Covid 19*.

Hakikatnya sejarah membuktikan, Malaysia diuji dengan serangan dan penjajahan oleh pelbagai kuasa seperti Portugis, Belanda, Siam, Jepun dan Inggeris. Ia diikuti dengan zaman darurat 1948, ancaman konfrontasi 1963-1965 dan pergaduhan

antara kaum pada tahun 1969. Selepas merdeka, pelbagai usaha dilaksanakan untuk mengisi semangat kemerdekaan dengan menyemarakkan roh perpaduan. Firman Allah سبحانه وتعالى dalam Surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَتَّدُونَ ١٠٣

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari Neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayat-Nya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Islam telah mengajar umatnya akan kepentingan ukhuwah (persaudaraan) dan persefahaman tanpa mengira latarbelakang

bangsa, warna kulit dan bahasa. Namun realitinya, kadangkala kita agak penat melihat tenatnya sebahagian masyarakat yang bercakaran. Ditambah pula dengan kecanggihan media sosial seperti *Whatsapp* dan *Facebook*, ada sahaja isu berbangkit yang menjadi punca perbalahan.

Sejak kemunculan pandemik misalnya, ada sahaja perdebatan melibatkan *Virus Covid-19* dari segi punca ia tersebar, vaksin dan perubatan alternatif serta banyak lagi isu yang tidak berkesudahan. Sesetengah warga internet dilihat seolah-olah hilang adab dan jatidiri seorang muslim. Teguran tidak salah, namun melempar caci maki kepada para ulama' dan pemimpin adalah perbuatan yang melampaui batas syarak. Nilai murni yang semakin terhakis dan perpaduan yang kian menipis ini, sememangnya amat menyedihkan.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi isu tersebut, dua perkara berikut amat penting untuk dilaksanakan demi kebaikan ummah dan negara:

Pertama: Memperkasakan usaha dan kerjasama melibatkan pelbagai peringkat dan agensi bagi mengukuhkan persaudaraan dan kesejahteraan umat dan negara.

Kedua: Mengelakkan sebarang unsur atau tindakan yang boleh menjelaskan keharmonian serta mengenepikan anasir negatif yang boleh menggugat kesejahteraan umat dan negara.

Firman Allah dalam Surah at-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيِّرُهُمْ أَلَّا هُنَّ عَزِيزُ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat baik, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Demikianlah, Islam meletakkan suatu asas, dasar dan panduan syariat yang terbaik untuk umatnya dengan tujuan yang besar iaitu demi menjaga kemaslahatan umat Islam. Bagi mengakhiri khutbah minggu ini, dengan mengambil semangat Hari Malaysia yang baru sahaja kita raikan, khatib ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati beberapa perkara:

Pertama: Isu persefahaman adalah isu dan agenda utama umat Islam, maka usaha ke arah mensejahterakan rakyat adalah kewajipan dalam agama.

Kedua: Hiduplah sebagai masyarakat yang sentiasa bertolak ansur dan berkasih sayang serta menyingkirkan sikap mementingkan diri sendiri.

Ketiga: Kemakmuran negara dapat dinikmati jika setiap dari kita istiqamah memupuk persefahaman dan toleransi antara satu sama lain.

Dan yang terakhir: Tegurlah secara membina sekiranya terdapat kesalahan dan kesilapan oleh sesiapa sahaja.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْرَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ
مَعَ الْصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar.” ﴿٤٦﴾
﴿سورة الأنفال﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّاءِبِينَ.



Khutbah Kedua September 2021

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

(٥)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ
الْتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضَ عَنَّا
مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَئِمَّتَنَا وَوُلَّةً أُمُورِنَا وَاسْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ، كِبَاوَهُ دُولِي يَعُونَجْ مَهَا مُولِياً سَرِيْ فَادُوكَ
بَاكِينِدا يَعُونَجْ دَفْرُتوَانَ اكُوَوْ لَكَ-اِنْمَ بَلْسَ، آلْسُلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ
الْمُصْطَلَقَى بِاللَّهِ شَاهِ إِبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ أَحْمَدْ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ،
وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ تَوَانَ يَعُونَجْ تَرَاوِتَمَا تَوَنَ دَاتَوَهُ سَرِيْ أَوْتَامَ أَحْمَدْ فُوزِي
بَنْ حَاجِ عَبْدِ الرَّزَاقِ، يَعُونَجْ دَفْرُتوَانَكِريْ قُولَوْ قِينَغْ.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ
وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ بُلْدَانِ
الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit

Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna.

Ya Allah, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf. Rahmatilah kehidupan kami. Sesungguhnya hanya kepada-Mu juga Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

اللَّهُمَّ قَوْ إِيمَانَنَا، وَوَحْدَ صُفُوقَنَا، وَاجْمَعْ قُلُوبَنَا عَلَى مَحَبَّتِكَ، وَتَعَاهَدْتُ
عَلَى نُصْرَةِ شَرِيعَتِكَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ. ﴿سورة الصافات﴾